HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK **Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum Anda mengambil keputusan untuk menerima eSaver. Pastikan turut membaca terma dan syarat umum.**	**Diunderait oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad** **eSaver**

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan endowmen tanpa sertaan selama lima (5) tahun dengan tempoh pembayaran premium selama empat (4) tahun. Pelan ini menyediakan Manfaat Kematian, Endowmen Tunai Terjamin dan Manfaat Matang Terjamin. Endowmen Tunai Terjamin dibayar setiap tahun bermula dari akhir Tahun Polisi pertama sehingga Polisi matang.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Pelan ini melindungi:

Manfaat	Penerangan
Manfaat Kematian	Jika Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, Manfaat Kematian yang dibayar adalah seperti berikut: **Tahun Polisi** — **Manfaat Kematian (Peratusan Jumlah Premium yang Dibayar)** 1 dan 2 — 100% 3 dan 4 — 105% 5 — 108%
Endowmen Tunai Terjamin	Endowmen Tunai Terjamin akan dibayar setiap tahun pada akhir setiap tahun polisi mengikut jadual di bawah, dengan syarat semua premium dibayar sehingga kini dan Orang yang Diinsuranskan masih hidup. **Akhir Tahun Polisi** — **Endowmen Tunai Terjamin (Peratusan Premium Tahunan)** 1 dan 2 — 2% 3 dan 4 — 4% 5 — 8%
Manfaat Matang Terjamin	105% daripada Jumlah Premium yang Dibayar, ditolak sebarang Keberhutangan, akan dibayar pada Tarikh Matang, dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan masih hidup.

Tempoh perlindungan: lima (5) tahun

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah Premium Tahunan yang perlu Anda bayar adalah di antara RM 500 sehingga RM24,000 selama empat (4) tahun.

Anda diberi tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir premium untuk membuat pembayaran premium Anda.

Premium yang dibayar untuk Polisi ini boleh melayakkan Anda untuk pelepasan cukai tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Tiada fi dan caj untuk Polisi ini. Tiada komisen akan dibayar untuk Polisi Anda kerana tiada pengantara terlibat.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan – Anda harus menyatakan segala fakta penting seperti umur Anda dengan tepat.
- Tempoh tenang – Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan menghantar e-mel kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Polisi ini dihantar kepada Anda. Premium yang Anda telah bayar akan dikembalikan kepada Anda.
- Polisi luput – Polisi Anda akan luput sekiranya premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh.
- Implikasi pertukaran Polisi kepada syarikat insurans lain – Salah satu kekurangan utama ialah terma dan syarat baru Polisi baru boleh diguna pakai jika status kesihatan semasa kurang memihak kepada syarikat insurans baru. Adalah dinasihatkan untuk semak dengan syarikat insurans sebelum membuat keputusan muktamad.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah Polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Pelan ini tidak melindungi kematian disebabkan oleh bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah Polisi ini.

7.	**Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?** Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Sebaik pembatalan, Nilai Tunai Terjamin Polisi akan dibayar. Sila pertimbangkan dengan teliti sebelum menyerahkan Polisi kerana Nilai Tunai Terjamin mungkin lebih kurang daripada jumlah premium yang dibayar.
8.	**Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?** Sila hubungi Kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran hubungan Anda untuk memastikan semua komunikasi sampai kepada Anda dengan cepat.
9.	**Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?** Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai 'Insurans Hayat', sila rujuk ke buku panduan *insuranceinfo* di bawah 'Insurans Hayat' yang terdapat di semua cawangan Kami atau Anda boleh melayari www.insuranceinfo.com.my. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di: AXA AFFIN Life Insurance Berhad Tingkat Bawah, Menara Chulan No.3 Jalan Conlay 50450 Kuala Lumpur Talian Khidmat Pelanggan: 1 300 88 1616 Talian Umum: 03-2117 6688 WhatsApp: 017-641 8867 Faks: 03-2117 6768 E-mel: customer.care@axa-life.com.my
10.	**Lain-lain jenis pelan serupa yang disediakan.** Sila tanya Kami untuk jenis pelan lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:
ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI AXA AFFIN LIFE INSURANCE BERHAD UNTUK SEBARANG MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini diunderait oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad 200601003992 (723739-W), syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada <DD/MM/YYYY>.